

## KRONOLOGI EPISOD JEREBU MERENTAS SEMPADAN PADA TAHUN 2016

TARIKH	PERKARA
<b>30 Ogos 2016</b>	<p>Sehingga jam 11 pagi, sebanyak 25 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik', sebanyak 22 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana' dan sebanyak 2 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'. Bacaan IPU pada tahap "tidak sihat" adalah di Shah Alam, Selangor (IPU 103) dan Nilai, Negeri Sembilan (IPU 112). Untuk rekod, bacaan IPU tertinggi setakat ini direkodkan di Nilai, Negeri Sembilan iaitu <b>123</b> pada jam 6 pagi dan 7 pagi. Peta Jerebu Serantau pada 29 Ogos 2016 menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran di Sumatera Tengah menyelubungi kawasan tengah Pantai Barat Semenanjung.</p>
<b>29 Ogos 2016</b>	<p>Beberapa kawasan di kawasan tengah dan selatan Pantai Barat Semenanjung mengalami keadaan sedikit berjerebu. Pada 27 Ogos 2016, Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran jarak ketampakan rendah kurang 5 km di Melaka dan barat Johor ekoran jerebu berterusan sehingga 29 Ogos 2016. Peta Jerebu Serantau pada 28 Ogos 2016 menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu tebal dan sederhana daripada kawasan-kawasan kebakaran di Sumatera Tengah menghala ke Pantai Barat Semenanjung dengan tiupan angin dari arah selatan. Sehingga jam 7 pagi, 29 Ogos 2016; sebanyak 34 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'baik', 15 kawasan dengan bacaan IPU</p>

	'sederhana' dan tiada (0) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat' . Bacaan IPU tertinggi adalah di Bandaraya Melaka dengan bacaan 79 (sederhana).
26 Ogos hingga 27 Ogos 2016	Jerebu melanda beberapa kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia khususnya di negeri Johor dengan beberapa kawasan mencatatkan penurunan status kualiti udara. Satu kawasan iaitu Pasir Gudang, Johor mulai mencatatkan bacaan IPU pada tahap "tidak sihat" iaitu <b>103</b> pada jam 7 pagi, 27 Ogos 2016. Peta Jerebu Serantau pada 26 Ogos 2016 menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di kawasan tengah Sumatera dilihat menyelubungi bahagian selatan negeri Johor dan negara Singapura.
18 Ogos 2016	Jerebu melanda Seri Manjung, Perak dengan bacaan IPU 97 pada 18 Ogos 2016.
16 Ogos 2016	Jerebu melanda beberapa kawasan di Lembah Klang, Melaka dan Negeri Sembilan dengan bacaan IPU meningkat ke paras sederhana (IPU melebihi 50). Kejadian jerebu pada 16 Ogos 2016 merupakan kejadian jerebu merentas sempadan yang pertama dikesan pada tahun ini.